

Bil. S 23

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA SYARIKAT-SYARIKAT) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Syarikat-Syarikat) (Pindaan), 1999. Gelaran.

2. Akta Syarikat-Syarikat adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 179 – Pemasukan bab
179A baru
ke dalam
Penggali 39.

“Perlantikan
penyelesai
hutang-piutang
oleh Menteri
Kewangan.

179A. (1) Apabila suatu perintah penggulangan telah dibuat, Penerima Rasmi boleh, pada bila-bila masa sewaktu dia menjadi penyelesai hutang-piutang sementara syarikat itu, memohon kepada Menteri Kewangan bagi perlantikan seseorang sebagai penyelesai hutang-piutang untuk menggantikannya.

(2) Bab 181 (kecuali cerai (4) bab itu) hendaklah dikenakan kepada penyelesai hutang-piutang yang dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah cerai (1) seolah-olah dia telah dilantik oleh Mahkamah. Jika sebarang perlantikan itu oleh Menteri Kewangan mempunyai kuatkuasa bahawa jawatan penyelesai hutang-piutang akan dipegang oleh lebih daripada seorang, perlantikan itu hendaklah mengisytiharkan sama ada sebarang perbuatan yang dibenarkan atau dikehendaki untuk dilakukan oleh penyelesai hutang-piutang akan dilakukan oleh semua atau mana-mana satu daripada orang-orang yang dilantik itu.

(3) Jika penyelesai hutang-piutang telah dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah cerai (1), dia hendaklah –

- (a) memberi notis mengenai perlantikannya kepada pemiutang-pemiutang dan menyiarkan perlantikannya sekali dalam *Warta Kerajaan*; dan

(b) memanggil mesyuarat pemiutang-pemiutang dan penyumbang-penyumbang secara berasingan bagi maksud menentukan sama ada atau tidak suatu permohonan akan dibuat kepada Mahkamah bagi perlantikan suatu jawatankuasa pemeriksaan untuk bertindak dengan penyelesai hutang-piutang dan yang akan menjadi ahli jawatankuasa itu jika dilantik. Ceraian (2) bab 191 hendaklah dikenakan berikutan penentuan tersebut.

(4) Jika penyelesaian hutang-piutang telah dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah ceraian (1), perenggan-perenggan (b), (c) dan (d) bab 179 hendaklah tidak dikenakan."

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 28 haribulan April, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM